

## **Dua bekas setiausaha politik MB Selangor perang dingin**

**Malaysian Insider**

**Feb 1, 2014**

**OLEH The Malaysia Insider**

Perang dingin antara dua bekas setiausaha politik Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim dilihat berlaku melalui kenyataan terbuka Nik Nazmi Nik Ahmad dan Faekah Husin dalam laman Twitter mereka.

Timbalan Speaker Dun Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad menulis status dalam laman twitternya yang berbunyi:"Kata sudah bukan setpol (Setiausaha Politik) tapi masih banyak cakap soal politik."

Kenyataan beliau itu dipercayai membidas kenyataan Faekah Hussin dalam Twitternya yang berkata, "Yang mengejar bernaflu besar, yang mengendong patutkah berjiwa besar?"

Difahamkan kenyataan itu dikeluarkan selepas timbul ura-ura Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengambil alih jawatan menteri besar Selangor daripada Abdul Khalid berikutan peletakan jawatan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang, Lee Chin Cheh.

Faekah yang kini Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Incorporated (MBI) itu juga meminta ahli politik dari luar Selangor agar belajar terlebih dahulu sebelum membuat apa-apa tindakan dan kenyataan.

"Ahli politik di luar Selangor, belajarlah Perlembagaan negeri, proses dan prosedurnya. Jangan menghina sultan dan jangan terlalu yakin dengan diri sendiri," katanya dalam akaun Twitternya semalam.

Niz Nazmi sebelum ini menjadi setiausaha politik kepada Abdul Khalid pada 2008 hingga 2010 sebelum digantikan dengan Faekah dipercayai setelah "mengkhianati" majikannya sendiri.

Faekah pula biarpun setia pada majikannya, Abdul Khalid bagaimanapun terpaksa akur untuk dipindahkan susulan daripada rasa tidak puas hati ahli parti dalam pentadbirannya.

The Malaysian Insider cuba menghubungi kedua-dua bekas setiausaha politik itu bagaimanapun tidak berjaya.

Konflik dalaman Selangor mula terdedah kepada umum selepas Anwar membuat teguran kepada Abdul Khalid mengenai rizab negeri sehingga kepada keputusan menteri besar Selangor itu menaikkan gaji dan elaun bagi pimpinan tinggi kerajaan negeri yang menerima bantahan secara terang oleh Pengerusi PKR Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Kerajaan negeri kemudiannya dikatakan mengugurkan nama Azmin sebagai Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pengarah Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Penyokong Azmin dikatakan menghantar usul memecat Abdul Khalid sebagai menteri besar dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat baru-baru ini. – 1 Februari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dua-bekas-setiausaha-politik-mb-selangor-perang-dingin>